



Rujukan kami: SKCACKK.100-1/5/1(108)
Tarikh: 16 MAC 2023

Para ibu bapa / penjaga yang dihormati,

NOTIS PERKARA (1): TARIKH PEMBUKAAN SEKOLAH DAN MASA PENYURAIAN SEKOLAH

Untuk makluman, **sesi persekolahan 2023/2024 akan bermula pada 20 Mac 2023 (Isnin). Selamat Kembali Ke Sekolah kepada semua murid Tahun 2 hingga Tahun 6.**

02. Masa penyuraian adalah mengikut jadual waktu yang ditetapkan. Berikut adalah Jadual Waktu Penyuraian bagi Tahun 2 hingga Tahun 6:

TAHUN	HARI BERSEKOLAH	MASA PENYURAIAN
Tahun 2 & Tahun 3	Isnin & Selasa	12.40 pm
	Rabu - Jumaat	12.10 pm

TAHUN	HARI BERSEKOLAH	MASA PENYURAIAN
Tahun 4 - Tahun 6	Isnin - Jumaat	12.40 pm

NOTIS PERKARA (2): AKTIVITI “AN ARTS DAY WITH PARENTS” DAN GOTONG-ROYONG

Menurut arahan KPM, pihak sekolah akan mengadakan aktiviti “An Arts Day With Parents” dan gotong-royong pada **24 Mac 2023 (Jumaat)**. Berikut adalah ketetapan masa aktiviti:

TAHUN	AKTIVITI	MASA	TEMPAT
Tahun 2	Taklimat Ringkas Aktiviti	7.00 pagi – 7.30 pagi	Dewan Sekolah
	An Arts Day With Parents	7.30 pagi – 9.30 pagi	Kelas Tahun 2
	Rehat	9.30 pagi – 10.00 pagi	Kelas / Kantin
	Gotong-Royong	10.00 pagi – 11.30 pagi	Kelas

TAHUN	AKTIVITI	MASA	TEMPAT
Tahun 3 hingga Tahun 6	Taklimat Ringkas Aktiviti	7.00 pagi – 7.30 pagi	Dewan Sekolah
	Gotong-Royong	7.30 pagi – 9.30 pagi	Kelas / Kawasan Sekolah
	Rehat	9.30 pagi – 10.00 pagi	Kelas / Kantin
	Gotong-Royong	10.00 pagi – 11.30 pagi	Kelas / Kawasan Sekolah

02. Aktiviti ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi dan mewujudkan suasana keseronokan belajar serta menggalakkan murid hadir ke sekolah.

03. Pihak sekolah amat berharap tuan/puan dapat hadir pada hari tersebut. Ibu bapa dijemput hadir ke taklimat ringkas tentang aktiviti “An Arts Day With Parents” dan gotong royong pada pukul 7.00 pagi yang bertempat di dewan sekolah. Selepas taklimat ringkas, ibu bapa akan dijemput masuk ke kelas anak tuan/puan untuk menjalankan aktiviti.

04. Selepas menyelesaikan aktiviti, ibu bapa boleh membawa anak pulang ke rumah selepas mendapatkan keizinan daripada Guru Kelas.

NOTIS PERKARA (3): TAKLIMAT PERMUAFAKATAN IBU BAPA DAN MESYUARAT AGUNG PIBG

Untuk makluman, pihak sekolah akan mengadakan Taklimat Permuafakatan Ibu Bapa dan Mesyuarat Agung PIBG pada 25 Mac 2023 (Sabtu). Berikut adalah ketetapan masa aktiviti:

TARIKH	AKTIVITI	MASA	TEMPAT
25/03/2023 (Sabtu)	Taklimat Permuafakatan Ibu Bapa	8.00 pagi – 10.00 pagi	Dewan Sekolah
	Mesyuarat Agung PIBG	10.30 pagi – 12.30 tengah hari	

02. Pihak sekolah amat mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan. Diharapkan segala maklumat perkongsian dapat memanfaatkan kalian di mana dapat lebih memahami pengurusan sekolah dan matlamat serta kefungsi-an PIBG.

PERINGATAN MESRA:

(A) Oleh kerana ruangan kawasan sekolah adalah **TERHAD**, pihak sekolah amat berharap para ibu bapa / penjaga dapat memberikan kerjasama yang padu, bersabar dan bertolak ansur serta mematuhi arahan pihak sekolah agar pelaksanaan aktiviti dapat berlangsung dengan lancar.

(B) Pihak sekolah telah menyediakan Buku SOP sebagai rujukan semua. Buku SOP boleh didapati melalui link pautan : <https://anyflip.com/hjjag/odpw/> atau mengimbas QR Code di bawah.

Sekian. Harap maklum dan terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



MOK SUN FU

Guru Besar

SK (C) Anglo Chinese,

Kota Kinabalu.

